

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 DISEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 12

Duta bahasa Melayu perkasa wibawa bangsa Malaysia

Duta bahasa Melayu perkasa wibawa bangsa Malaysia

• Duta bahasa boleh terdiri daripada guru bahasa Melayu profesional, pempengaruh media sosial, juruhebah, penyanyi dan pelakon mempunyai peminat tegar dan ramai

• Individu dilantik menjadi duta bahasa mesti berpengetahuan luas bidang bahasa dan sastera, berketerampilan, berkeyakinan dan amanah dengan tugas diberikan

**Oleh Prof Madya Dr Salmah Jan Noor Muhammad
bhrenanca@bh.com.my**

Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (UPM)

Mutakhir ini, satu fenomena positif berlaku dalam kalangan rakyat Malaysia apabila mereka mula tertarik mencari istilah bahasa Melayu digunakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim terutama pada sidang media atau menerusi kenyataan rasmi.

Perkataan seperti cerakin dan dampak antara yang viral serta dikongsi di media sosial dengan penerangan maksud istilah itu kepada masyarakat, walhal perkataan ini sudah tersenarai lama dalam Kamus Dewan namun tidak begitu dibugarkan.

Sebenarnya, jika diamati bahasa Melayu sememangnya kaya dengan perilstih dan mempunyai ragam bahasa boleh digunakan dalam situasi formal ataupun tidak formal.

Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) dikendalikan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) antara gedung pustaka peristikahan bahasa Melayu yang menjelaskan maksud bahasa 'pelik' tetapi wujud dalam rumput Melayu.

Dalam pada itu, aplikasi media sosial berkembang pesat seperti Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok adalah pemudar cara untuk mempercepatkan perkongsian maklumat tanpa batasan kepada masyarakat.

Namun begitu, di

sebalik kecanggihan teknologi ini, terdapat suatu perkembangan ironi terhadap bahasa Melayu yang dapat dikesan, apabila kerancuan bahasa (rojak) terjadi dan senewang-wenangnya disambut baik pengguna khususnya belia.

Sekiranya, isu ini tidak dibingung dengan cermat, maka negara akan melahirkan masyarakat pudar jati diri dan berbangga dengan keupayaan mencampuradukkan pelbagai bahasa dalam penulisan dan pertuturan.

Tidak endan bahasa rasmi

Keadaan menjadi lebih menyedihkan, apabila masyarakat tidak mengendahkan lagi bahasa rasmi negara sebagai bahasa perpaduan negara bangsa.

Selain kerancuan bahasa, masalah malu untuk berbahasa Melayu juga menjadi isu masih bertapak di negara ini masih belum nampak ia akan berakhir.

Jika pun ada, ia seperti tercetusnya gelombang tsunami dan hanyut di bawah arus besar. Kelompok pengguna berbahasa Inggeris mencipta standard tersendiri sehingga menyebabkan keterasingan dan rendah hati pada masyarakat berbahasa Melayu.

Hal ini menyebabkan mutu bahasa Melayu diperlekeh dan dengan mudah digantikan dengan bahasa asing. Amalan sistem pendidikan berlandaskan dwibahasa juga semakin melemahkan kedudukan bahasa Melayu.

Justeru, di manakah pendirian kita sebagai rakyat Melayu yang mempunyai bahasa kebangsaan sendiri? Tidak salah menguasai bahasa lain tetapi usah sampai bertindak mela-

pakan bahasa menjadi 'darah daging' kepada semua kaum untuk mencapai kemerdekaan.

Adakah kita perlu mengangguk kepala dan mengakui kita sememangnya sudah seperti 'kacang lupukan kulit'? Situasi ini sangat menyediakan jika dibiarakan terus berlaku tanpa 'rawatan'.

Lanjutan daripada itu, duta bahasa perlu diperkenalkan sebagai satu ejen pemangkin kesedaran isu bahasa dalam negara di samping membantu pemegang taruh menjaga kelestarian bahasa Melayu sebagai pemersatu bangsa.

Di Malaysia, panggilan duta bahasa tidak popular dan jangkal di halal telinga tetapi jika disosialisasi, kehadiran duta bahasa akan menjadi simion dengan perjuangan memperkasa bahasa Melayu.

Duta bahasa seharusnya dilantik khas pihak kerajaan dan diserap masuk ke dalam mana-mana agensi kerajaan dan swasta untuk menyemai semula dasar cintakan bahasa kebangsaan.

Bergenggam amanah

Golongan ini boleh terdiri daripada guru bahasa Melayu profesional selain pempengaruh media sosial, juruhebah, penyanyi dan pelakon mempunyai peminat tegar dan ramai.

Kriteria seorang duta bahasa dapat diteliti sebagai seorang individu mesti berbangga berbahasa Melayu dan menjawai sastera juga budaya Melayu.

Individu dilantik mestilah berpengetahuan luas berkenaan bidang berkolerasi iaitu bahasa dan sastera, berketerampilan, berkeyakinan dan amanah dengan tugas yang diberikan.

Duta bahasa perlu bersikap terbuka, bersifat mampan serta tahan emosi dalam menghadapi cabaran. Penilaian terhadap duta bahasa perlu dijalankan golongan profesional berpengalaman dalam bidang bahasa dan sastera.

Plantikan duta bahasa bukan bertujuan menganggu atau merencanakan tanggungjawab sedia ada diberikan kepada pihak kementerian atau Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Kehadiran duta bahasa juga tidak dilihat berbanding dengan peranan munsyi muda bahasa, yang fokusnya menjaga penggunaan bahasa Melayu oleh penjawat awam dalam urusan rasmi kerajaan.

Malahan dengan adanya duta bahasa, akan dapat melancarkan tugas tidak dapat disempurnakan peneraju utama.

Duta bahasa bukan sahaja bertujuan memasarkan dan mempromosi penggunaan bahasa Melayu dengan tepat dan betul tetapi melindungi serta mengembangkannya dengan mengubah mentaliti dan mewujudkan keyakinan terhadap kewibawaan bahasa Melayu sebagai bahasa pertutuan semua bangsa.

Bagaimanapun, tugas melestari bahasa Melayu ini bukan sahaja terletak di bahu duta bahasa semata-mata. Sebagai rakyat Malaysia, juga bercita-cita untuk terus menyemarakkan perjuangan bahasa Melayu.

Sikap suis asa dan merebakkan penjajahan bahasa terus berlekar perlu dinyahkiwalau pun pengaruh globalisasi bahasa terjadi di Malaysia.

DUTA BAHASA